



MAKLUMAT BIASISWA KURSI EKONOMI TENAGA PROGRAM SARJANA (Masters) DI UNITEN

Biasiswa KURSI EKONOMI TENAGA ini memberi peluang kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian di peringkat pasca ijazah (post-graduate) dalam bidang berkaitan Tenaga.

Bilangan Biasiswa

Bilangan biasiswa yang disediakan adalah tiga (3) biasiswa 3 biasiswa untuk peringkat Sarjana(Masters)

Kriteria Pemilihan

Kriteria utama yang digunakan bagi pemilihan calon-calon untuk mendapatkan Biasiswa KURSI EKONOMI TENAGA ini adalah berdasarkan kepada

- i. Penyelidikan dan/ atau pengalaman kerja berkaitan
- ii. Kecemerlangan akademik;
- iii. Prestasi semasa temuduga.

Syarat Kelayakan

Syarat kelayakan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berkelayakan;
- ii. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh permohonan;
- iii. Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang iktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.0 atau yang setaraf dengannya; dan
- iv. Mahir dalam Bahasa Inggeris(lisan dan penulisan). Pemohon perlu menunjukkan bukti kecekapan dalam Bahasa Inggeris melalui IELTS* (purata skor minimum 6.0) atau TOEFL** (skor minimum 550). Pemohon yang berkelulusan ijazah universiti luar negara dengan bahasa pengantar Bahasa Inggeris dikecualikan daripada syarat ini;
- v. Menyediakan cadangan penyelidikan yang berkaitan dengan Tenaga;
- vi. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang mempunyai latar belakang pendidikan berkaitan Tenaga dan/atau sedang berkhidmat dalam Industri Bekalan Elektrik.

* IELTS- International English Language Testing System

**TOEFL – Test of English as a Foreign Language

(Internet-based score \geq 79, Computer-based score \geq 213)

Program Pengajian

Penerima Basiswa KURSI EKONOMI TENAGA akan ditawarkan pengajian di Universiti Tenaga Nasional, secara khususnya ditempatkan di Institut Polisi dan Penyelidikan Tenaga (IEPR). Calon yang berjaya juga adalah tertakluk kepada peraturan tata tertib di UNITEN.

Program pengajian adalah sepenuh masa atau separuh masa dengan penyelidikan (tesis) sepenuhnya.

- Program Masters : 1-2 tahun

Penyeliaan program pengajian adalah secara usahama di antara UNITEN dan TERI Universiti, India.

Bidang pengajian adalah berkaitan Tenaga sahaja. Tajuk penyelidikan mestilah yang berkaitan dengan mana-mana topik/isu berikut:

- a. Polisi Tenaga (Energy Policy)
- b. Sekuriti Tenaga (Energy Security)
- c. Ekonomi Tenaga (Energy Economics)
- d. Tenaga dan Persekitaran (Energy Environment)

Tempoh Perkhidmatan Selepas Taman Pengajian

Penerima Basiswa KURSI EKONOMI TENAGA yang telah menamatkan pengajian diwajibkan untuk berkhidmat semula dengan majikan sekarang bagi tempoh tidak kurang daripada dua (2) kali tempoh pengajian.

Kadar Basiswa

Pakej tawaran Basiswa KURSI EKONOMI TENAGA meliputi yuran pengajian, dan elaun yang berkaitan untuk pelaksanaan penyelidikan.



PANDUAN PERMOHONAN BIASISWA KURSI EKONOMI TENAGA PROGRAM SARJANA (Masters) DI UNITEN

1. Borang Permohonan Biasiswa KURSI EKONOMI TENAGA Tahun 2012 hendaklah dimuat turun, dicetak dan dihantar dengan tangan atau melalui pos ke alamat seperti yang ditetapkan.

**Pengarah,
Institut Polisi dan Penyelidikan Tenaga (IEPRE)
Universiti Tenaga Nasional
Jalan IKRAM-UNITEN, 43000 Kajang, Selangor.
u/p: Biasiswa Kursi Ekonomi Tenaga**

2. Permohonan yang lengkap hendaklah diterima oleh UNITEN – IEPRe untuk pemprosesan.
3. Pemohon hanya dibenarkan menghantar satu (1) permohonan sahaja.
4. Pemohon dikehendaki untuk menghantar salinan dokumen/sijil-sijil yang telah diakui sah semasa mengemukakan permohonan. Dokumen/sijil-sijil asal perlu dibawa semasa menghadiri temuduga.
5. Hanya pemohon yang telah disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk menghadiri sesi temuduga.

NOTA PENTING

Sebarang pertanyaan mengenai permohonan Program Biasiswa KURSI EKONOMI TENAGA boleh dibuat dengan menghubungi UNITEN – Institut Polisi dan Penyelidikan Tenaga (IEPRE) di 03-89212020, sambungan 3400 pada waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang atau e-mail di alamat iepre@uniten.edu.my .

-TAMAT-